

Kenyataan Sebutharga Bil. 20/2025

Tarikh Iklan : 18 Jun 2025 (Rabu)

Datuk Bandar Kuala Lumpur mempelawa kontraktor/pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)/ Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam Gred, Kategori, Pengkhususan atau Kod Bidang **yang beralamat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya Sahaja** yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR SEBUTHARGA DAN HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN PETENDER	TARIKH SEBUTHARGA DIBUKA DAN SEBUTHARGA DITUTUP
2025/B100	Perkhidmatan Kerja-Kerja Pembersihan Di Dewan Serbaguna Ampang Hilir Dan Dewan Serbaguna Cheras Baru Kuala Lumpur Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Harga Dokumen: RM100.00	Bumiputera Berdaftar Dengan KKM (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Sahaja) Kod Bidang 221001 Atau 221002 Atau 221003	<u>Tarikh Sebutharga Dibuka</u> 18 Jun 2025 (Rabu) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 8 Julai 2025 (Selasa)
2025/B101	Kerja-Kerja Penggantian 1 Unit Lif Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Bangunan Sri Layang Harga Dokumen: RM100.00	Berdaftar Dengan CIDB Gred G4 Atau G5 Atau G6 Atau G7 Kategori ME Pengkhususan M03 * Wajib Sijil Firma Yang Kompeten (Sijil FYK) (Beralamat Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor Dan Putrajaya Sahaja)	<u>Tarikh Taklimat Tapak</u> 25 Jun 2025 (Rabu) <u>9.30 Pagi – 10.30 Pagi</u> Bangunan Sri Layang, Jalan Thamby Abdullah, 50470 KL (Berhampiran Jalan Ang Seng 3) <u>Tarikh Sebutharga Ditutup</u> 8 Julai 2025 (selasa)

1. Bagi pembelian dokumen sebutharga, petender atau wakil hendaklah mendaftar terlebih dahulu **secara atas talian** di laman sesawang **eperolehan.dbkl.gov.my**. Petender hendaklah memastikan sijil yang didaftarkan di **e-perolehan DBKL** masih berkuatkuasa semasa memohon tawaran. Penjualan dokumen sebutharga dijalankan **secara atas talian** sahaja.
2. Pendaftaran kontraktor **secara atas talian** perlu disahkan terlebih dahulu di dalam portal rasmi **eperolehan.dbkl.gov.my**
3. Dokumen Sebutharga **2025/B101** boleh dibeli **Secara 'Online'** di laman web **selepas Sesi Taklimat Tapak**.
4. Kehadiran ke Sesi Taklimat **2025/B101** adalah **DIWAJIBKAN**. **HANYA PENAMA DALAM SIJIL SAHAJA yang dibenarkan hadir ke Sesi Taklimat** dan hendaklah **Diwajibkan membawa salinan sijil** seperti berikut:-
 - i. **Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh CIDB**
 - ii. **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB**

- iii. **Sijil FYK (Firma Yang Kompeten)**
- iv. **Cop Syarikat (Rubber Stamp)**
- v. **Kad Pengenalan Penama Didalam Sijil**

5. Petender yang **GAGAL mengemukakan perkara-perkara di atas** tidak dibenarkan untuk mengikuti sesi taklimat. Sesi pendaftaran petender akan diadakan **selama (1) satu jam**.
6. Sekiranya petender tidak mendapat sebarang jawapan daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup maka tawaran dianggap tidak berjaya.
7. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor Sebutharga dan tajuk kerja berkaitan dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga tersebut di **Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan, Tingkat 32, Menara DBKL 3, Bandar Wawasan, Jalan Raja Abdullah, 50300 Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup. Tawaran yang **LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN** sama sekali.
8. Datuk Bandar Kuala Lumpur tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran juapun.
9. Untuk keterangan lanjut sila layari portal rasmi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (www.dbkl.gov.my) dan laman sesawang eperolehan DBKL (eperolehan.dbkl.gov.my).

DATUK BANDAR KUALA LUMPUR

Tarikh Iklan : 18 Jun 2025 (Rabu)

Laman Sesawang : www.dbkl.gov.my dan eperolehan.dbkl.gov.my